

**PARTI BERSATU SABAH (PBS)**  
**BAHAGIAN N.37 SOOK**  
**Lot 212, Lorong 2H, Jutaya 2, Peti Surat 1715,**  
**89008 Keningau**

**SESI PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BERHUBUNG  
PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHANRAYA MALAYSIA KOTA KINABALU, SABAH  
25 DAN 26 NOVEMBER 2011**

YB. Datuk Pengerusi kepada Yang Berhormat ahli panel jawatankuasa pilihan khas parlimen dalam usaha penambahbaikan sistem pilihanraya Malaysia. para pegawai, Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Terima kasih kerana memberi kesempatan untuk mengemukakan beberapa pendapat mengenai dengan penambahbaikan sistem pilihanraya Malaysia.

Bahagian N.37 Sook mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan Malaysia yang mengambil langkah yang berani dan telus untuk menumbuhkan jawatankuasa pilihan khas penambahbaikan sistem pilihanraya Malaysia.

*Bahagian PBS N.37 Sook merasa bangga atas tindakan kerajaan yang sentiasa dinamik dan responsib terhadap kehendak rakyat untuk menjadi Malaysia sebuah Negara yang mengamalkan proses demokrasi berparlimen yang telus.*

Dalam usaha ini memang pendapat berbeza namun setiap rakyat Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk menentukan Negara ini mengamalkan proses pilihanraya yang telus dan bersih. Dan sudah tentulah landasan ini adalah satu agenda yang ditunggu- tunggu oleh rakyat Malaysia kian lama.

*Transformasi demokrasi bermula hari ini dengan penubuhan jawatankuasa ini, bahagian PBS N.37 Sook, menyokong usaha murni ini demi kesejahteraan rakyat dan Negara. Kami pasti tentu sekali banyak yang akan dibuat atau digubal, sama ada secara pentadbiran atau dari aspek perlembagaan. Kami faham banyak perkara yang tidak perlu tergesa- gesa khusus dari perundangan dan perlembagaan dan ada juga perkara yang boleh dilaksanakan dalam masa yang terdekat yang penting kerajaan dengan ikhlas dan telus ingin bertindak dalam usaha penambahbaikan sistem pilihanraya Malaysia.*

Terima kasih.

### 1. Indelible ink (dakwat kekal)

Bahagian PBS N. 37 Sook bersetuju penggunaan dakwat kekal indelible ink. Ini akan dapat membentras pengundian dua kali atau "double voting" dengan izin. Dalam beberapa kali pilihanraya sabah adalah diantara pengundi HANTU dan perkara ini sudah dibawah beberapa kali kepada SPR dan kerajaan "we cannot just sweep all the dirt under the carpet" dengan izin tidak ada langkah yang bernas telah dilakukan selama ini. Lihat sahaja lebih 42, 000 pengundi berdaftar yang dipamerkan. Yang dianggap sebagai pengundi yang diragui dan di sabah bilangan pengundi hantu tuhan sahaja yang tahu berapa banyak bilangannya. Persoalannya kenapa itu boleh terjadi, siapa yang bertanggungjawab. Its an act of TREASON, individu atau kumpulan harus dihukum. Sudah sampai masanya SPR harus telus dan bergiat dengan lebih bersih lagi untuk mengatasi masalah yang berleluasa ini. Kita tak berhak PRU13 perkara seumpama ini masih berlaku. PEMBERSIHAN daftar pengundi harus dilakukan SEKARANG!

### 2. TEMPOH BERKEMPEN – 8 hingga 10 hari

Ahli-ahli yang terhormat sesetengah kumpulan inginkan kempen yang panjang 14 hingga 21 hari. Bahagian N.37 Sook berpendapat terlalu panjang dan ini sudah tentu tidak mendatangkan manfaat, kerana ini membabitkan wang yang banyak. Khusus di Sabah dan Sarawak, dimana system perhubungan "the cost of transportation and other miscellenous expenses for party personels" dan yang paling mahal. Kedua ia akan menggalakkan rasuah dan usaha memancing undi.

"Aspiring candidate" atau calon berpotensi dan mempunyai niat bertanding dan menjadi wakil rakyat, sepatutnya sudah lama turun padang dan berbakti kepada rakyat yang diwakili. Dan calon sepatutnya sudah berkempen hari- hari 365 hari/ setahun, justeru itu kenapa nak panjangkan tempoh berkempen bahagian N.37 Sook cadangkan 8 hingga 10 hari adalah paling ideal untuk berkempen.

### 3. UNDI POS/ UNDI AWAL BAGI ANAK SABAH BEKERJA DI SEMENANJUNG

Terdapat sebilangan besar rakyat sabah : 40,000- 60,000 satu bilangan yang agak besar bekerja di Semenanjung: khusus di Johor Baru, Selangor adalah layak

dan berhak untuk membuang undi kepada calon- calon mereka sukai, maka ada ,baik sekiranya SPR menyediakan satu mekanisme kaedah yang baik agar mereka boleh mengambil bahagian dalam proses pilihanraya.

#### **4. AUTOMATIC REGISTERED , BERUMUR 21**

Bahagian N. 37 Sook tidak bersetuju dengan pendaftaran automatik apabila seseorang itu menjangkau 21 tahun disebabkan beberapa faktor yang akan memberi kesan yang buruk:-

1. Disebabkan kad pengenalan atau MYKAD senang diperolehi oleh pihak tertentu, terlalu banyak kes warga Negara asing atau PTI memperolehi MYKAD yang disediakan oleh sedikit. Maka andainya ia dibuat secara automatik maka sukar untuk kitra mengetahui pendaftaran itu sah atau tidak.

Solusi:

- (a) Warganegara Malaysia harus membuat pendaftaran di Pejabat pendaftaran sendiri atau mana-mana pejabat atau agensi yang telah disediakan dan diamanahkan oleh kerajaan dengan membawa sijil lahir (lahir) dan sijil lahir bapa dan emak menunjukkan mereka adalah warganegara Malaysia, surat akuan daripada Ketua Daerah, Ketua Kampung dan surat sumpah yang ditandatangani oleh pesuruh jaya sumpah. Proses agak mengambil masa, tetapi kita mahu yang terbaik.

Namun semua maklumat tepat akan diperolehi pada masa individu mendaftar dan secara tidak langsung akan membentras pengundi-pengundi yang tidak sah.

- (b) ~~It's a tedious work but~~ juga mencadangkan dalam proses penukaran Mykad yang baru diperkenalkan proses yang sama harus digunakan. "It's a tedious work but in the end, you solved the mother of all problem" dengan izin.

#### 5. UNDI POS

PBS Sook N.37 mencadangkan agar undi pos ini, dikira sebaik sahaja proses pembuangan undi selesai, kita tidak mahu mahu undi pos ini hanya dikira di pusat pengiraan pengundian (mengikut DUN) kerana ianya menimbulkan terlalu banyak keraguan apabila disimpan terlalu lama.

#### 6. KERTAS UNDI

PBS Sook N.37 mencadangkan supaya kertas undi tidak mempunyai serial number. kerana apabila ada maka, undi tidak lagi rashia, sehingga ada ramai pengundi terpaksa mengundi sesuatu parti. kerana timbul ancaman, kerana undi itu boleh diketahui siapa pengundinya berdasarkan nombor siri.

#### 7. CETAKAN KERTAS UNDI

PBS N.37 Sook mencadangkan kepada SPR supaya kertas undi dicetak menurut jumlah pengundi dalam kawasan tersebut. Contohnya, DUN Sook mempunyai 12,860 pengundi, maka kertas undi hanya dicetak pada jumlah itu. Jika dilebihkan cetakan hanya pada kadar 10% iaitu hanya 12,989. bererti lebih kertas undi hanya 129 sahaja. Pada PRU tahun 1994, di beberapa kawasan, lebih undi terlalu banyak, buat apa?